

# Konsisten martabat bahasa kebangsaan



**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED**

WALAUPUN lega dengan keputusan Kabinet untuk menarik balik kelonggaran berkaitan syarat kelayakan lulus dengan kepujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi lantikan kontrak Pegawai Perubatan Gred UD41 baru-baru ini, namun bagi penulis kita perlu ambil iktibar, pengajaran serta memahami hikmah di sebalik isu ini.

Ringkasnya, maaf cakap inilah akibatnya apabila kita sekadar mahu memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan secara bermusim.

Sepatutnya usaha untuk memelihara martabat bahasa kebangsaan dilaksanakan secara konsisten dan sepanjang masa supaya bahasa ini sebati dalam kalangan masyarakat negara ini.

Hakikatnya walaupun kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah terpasteri kemas dalam undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan yang mana bahasa Melayu adalah bahasa rasmi Persekutuan yang diterjemahkan melalui Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, namun apa yang menyediakan, roh dan semangat yang dibawa oleh Perkara 152 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini tidak dihayati sepenuhnya dan seolah-olah sengaja tidak dipedulikan oleh segelintir rakyat negara ini sendiri.

Sedarkah kita betapa pada hari ini bahasa Melayu hanya diterima sebagai bahasa kebangsaan tetapi penghormatan dan penghayatan terhadap bahasa rasmi ini masih jauh daripada sepasutnya?

Jadi sebagai pengajaran dan juga hikmah di sebalik isu baru-baru ini, eloklah kita bermuhasabah apakah selama ini kita jujur, ikhlas dan konsisten dalam memperjuangkan kedudukan dan mar-



**KAUM Cina dan India harus memandang serius usaha memantapkan kemahiran komunikasi menggunakan bahasa kebangsaan dalam kalangan anak mereka. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

tabat bahasa Melayu di negara ini?

Sejurusnya penulis masih sangsi dengan inisiatif yang telah dibuat selama ini.

Ini kerana kita sudah terbiasa dengan budaya apabila sudah terhantuk baru tergadah di mana bila sudah berlaku sesuatu barulah masing-masing heboh dan kelam kabut mahu memperbetulkan.

Dalam hal bahasa ini misalnya, apabila ada isu berkaitan bahasa barulah sesetengah pihak mucul hendak menunjuk hero dan mahu menonjolkan diri menjadi pejuang bahasa.

Persoalannya, mana hilang semua pejuang dan hero ini sekian lama? Kenapa kita hanya mempertahankan kedudukan bahasa kebangsaan ini secara bermusim dan bukannya berterusan? Tepuk dada dan tanya diri dan minda masing-masing.

Apapun penulis bersyukur sekurang-kurangnya isu terbaru ini membuka mata semua pihak untuk menyedari hakikat betapa jika kita leka semuanya boleh berubah dalam sekilip mata. Jangan menyesal andai satu hari nanti anak cucu kita hanya mampu membaca dalam buku sejarah bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa kebangsaan negara ini.

Sepatutnya sebagai rakyat Ma-

laysia tiada seorang pun diberikan pengecualian daripada mempelajari dan memahami bahasa kebangsaan. Setiap rakyat negara ini perlu fasih dan faham bahasa ini kerana inilah bahasa rasmi. Kita tidak menghalang bahasa ibunda masing-masing diamalkan dan diperjuangkan namun jangan sesekali meminggirkan bahasa rasmi negara ini.

Jadi jauh di sudut hati ini penulis rasa cukup kesal dan sedih kerana pada hari ini masih terdapat segelintir rakyat bukan Melayu yang tidak fasih berbahasa Melayu walaupun lahir dan membesar di negara ini. Apa puncanya dan di mana silapnya?

Adakah sistem pendidikan kita tidak mampu mengajar, mendidik, dan memahirkkan seorang rakyatnya bercakap dalam bahasa Melayu? Memang tidak adil untuk menyalahkan sistem pendidikan sepenuhnya namun realitinya keadaan ini masih berlaku.

Kita perlu berpijak di bumi nyata. Melihat senario semasa dalam kalangan masyarakat, ternyata pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Tamil dan Cina dilihat masih belum mantap dan mampu membantu anak-anak ini berkomunikasi dan bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu.

Akibatnya, bahasa rojak terus

menjadi amalan harian apatah lagi di rumah mengamalkan bahasa ibunda sendiri. Jika ini dibiarkan berlarutan maka seluruh generasi mereka juga akan terbawa-bawa dengan bahasa rojak tersebut.

Maka besarlah harapan agar rakyat negara ini terutamanya kaum Cina dan India akan memandang serius isu ini dan mengambil kira keperluan untuk memantapkan kemahiran komunikasi dalam bahasa kebangsaan terutamanya dalam kalangan anak-anak mereka.

Terimalah hakikat bahawa bahasa Melayu bukan bahasa orang Melayu semata-mata tetapi ia adalah bahasa kebangsaan miliki kita semua. Maka jadikanlah bahasa Melayu sebagai jambatan perpaduan utama yang merapatkan silaturahim antara kaum di negara ini.

Dalam hal ini orang Melayu juga perlu memainkan peranan sewajarnya. Misalnya, apabila berkomunikasi dengan orang Cina ataupun India maka mereka sepatutnya menggunakan bahasa yang betul dan bukannya bahasa rojak dengan mengikut rentak pertuturan orang Cina ataupun India. Ini banyak berlaku dalam kalangan masyarakat kita dalam perbualan dan urusan sehari-hari.

Ringkasnya, apa yang boleh kita rumuskan adalah usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan perlu terus diperkasakan, dimantapkan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa secara kekal dan bukannya mengikut musim.

Untuk itu, semua pihak yang terlibat baik pembuat dasar, pelaksana maupun organisasi dan individu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), penjawat awam, pihak korporat, orang Melayu sendiri serta masyarakat secara keseluruhannya perlu bersama-sama dapat membantu membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa supaya citra bahasa kebangsaan terus dapat dimartabatkan.

**PENULIS** ialah Timbalan Pendaftar, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM).